



29 Januari 2016
29 January 2016
P.U. (A) 18

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH JURUUKUR BAHAN (PINDAAN) 2016

QUANTITY SURVEYORS (AMENDMENT) RULES 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JURUUKUR BAHAN 1967

KAEDAH-KAEDAH JURUUKUR BAHAN (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26 Akta Juruukur Bahan 1967 [*Akta 487*], Lembaga Juruukur Bahan Malaysia, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan (Pindaan) 2016**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 30 Januari 2016.

Pindaan am

2. Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan 1973 [*P.U. (A) 366/1973*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan berdaftar, siswazah berdaftar atau berdaftar sementara” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Juruukur Bahan Perunding, Juruukur Bahan Profesional, Juruukur Bahan Sementara dan Juruteknologi Ukur Bahan”.

Pindaan kaedah 2

3. Kaedah 2 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam takrif “poin kredit” dan “program-program CPD” dengan menggantikan perkataan “program-program CPD” dengan perkataan “Program CPD”.

Pindaan kaedah 4

4. Kaedah 4 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas subkaedah (1) subkaedah yang berikut:

“(1A) Walau apa pun subkaedah (1), dalam keadaan luar biasa, Yang Dipertua boleh meminta Pendaftar untuk memberikan notis bertulis tidak kurang daripada tiga hari untuk memanggil suatu mesyuarat.”.

Pindaan kaedah 8

5. Subkaedah 8(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong perkataan “dari antara ahli-ahlinya”.

Pindaan kaedah 11

6. Kaedah 11 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima ratus ringgit” dengan perkataan “satu ribu ringgit”.

Penggantian kaedah 12A

7. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 12A dengan kaedah yang berikut:

“Pembayaran kepada Lembaga.	12A. Semua pembayaran kepada Lembaga boleh dibuat melalui kiriman wang, draf bank, cek, kad kredit atau perbankan elektronik.”.
-----------------------------	---

Penggantian kaedah 17

8. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 17 dengan kaedah yang berikut:

“Permohonan bagi pendaftaran.	17. Seseorang yang berhasrat untuk didaftarkan sebagai— (a) Juruukur Bahan Sementara di bawah subseksyen 10(1) Akta; (b) Juruukur Bahan Profesional di bawah subseksyen 10(2) Akta; (c) Juruukur Bahan Perunding di bawah subseksyen 10(3) Akta; atau (d) Juruteknologi Ukur Bahan di bawah seksyen 10A Akta, boleh membuat permohonan kepada Lembaga mengikut Kaedah-Kaedah ini.”.
-------------------------------	---

Kaedah baharu 17A dan 17B

9. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 17 kaedah yang berikut:

“Kehadiran fizikal dalam Malaysia. 17A. Seseorang pemohon bagi pendaftaran di bawah kaedah 17 hendaklah hadir secara fizikal dalam Malaysia tidak kurang daripada satu ratus lapan puluh tiga hari dalam tempoh dua belas bulan sebelum permohonan.

Alamat tetap. 17B. Seseorang pemohon bagi pendaftaran di bawah kaedah 17 dan seseorang orang berdaftar di bawah subseksyen 10(1), 10(2), 10(3) atau seksyen 10A Akta hendaklah mempunyai alamat tetap di Malaysia.”.

Pindaan kaedah 18

10. Kaedah 18 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “empat” dengan perkataan “tiga”.

Pindaan kaedah 21

11. Kaedah 21 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang C atau D atau D1” dengan perkataan “Borang CQS-B, PQS-B, ProvQS-B atau QST-B.”.

Pindaan kaedah 22A

12. Kaedah 22A Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “program-program CPD” dengan perkataan “Program CPD”.

Kaedah baharu 22B

13. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 22A kaedah yang berikut:

“Pengeluaran daripada Daftar.	22B. Lembaga boleh mengeluarkan daripada Daftar mana-mana Juruukur Bahan Perunding, Juruukur Bahan Profesional, Juruukur Bahan Sementara atau Juruteknologi Ukur Bahan yang permohonannya untuk membaharui pendaftaran ditolak oleh Lembaga di bawah subkaedah 22(2).”.
--	--

Pindaan kaedah 23A

14. Kaedah 23A Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang C atau D atau D1, mengikut mana-mana yang berkenaan” dengan perkataan “borang sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga”.

Penggantian kaedah 23C

15. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 23C dengan kaedah yang berikut:

“Perakuan pemasukan semula.	23C. Jika Lembaga memasukkan semula seseorang sebagai Juruukur Bahan Perunding, Juruukur Bahan Profesional, Juruukur Bahan Sementara atau Juruteknologi Ukur Bahan, Pendaftar hendaklah mengeluarkan perakuan pemasukan semula dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”.
--	--

Penggantian kaedah 24

16. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 24 dengan kaedah yang berikut:

“Kehendak bagi pendaftaran sebagai Juruukur Bahan Profesional, Juruukur Bahan Perunding dan	24. (1) Seseorang pemohon bagi pendaftaran sebagai Juruukur Bahan Profesional atau Juruukur Bahan Perunding di bawah subseksyen 10(2) atau (3) Akta masing-masing hendaklah—
--	---